

# Sertai PALAPES didik diri lebih disiplin

BH 7-7-13 4

**Kota Kinabalu:** Pegawai Kadet terbaik Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) 2013 menyifatkan latihan ketenteraan sepanjang tiga tahun menyertai pasukan itu di menara gading sebagai pengalaman berharga yang menjadikan mereka lebih berdisiplin dan memiliki semangat jati diri yang kuat.

Pegawai Kadet PALAPES Darat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Meloney Antong, berkata pengalaman itu boleh dimanfaatkan membantu pasukan keselamatan jika tenaga mereka diperlukan un-

tuk mempertahankan kedaulatan negara apabila berlaku ancaman yang menggugat keselamatan negara.

Meloney, 24, berasal dari Kampung Membatu Darat, Kudat, turut berbangga menjadi wanita pertama dari kampungnya menyertai pasukan keselamatan menerusi PALAPES, sekali gus menjadikan dirinya contoh kepada generasi muda di kampungnya.

## **Terima tauliah**

"Ketika mula menyertai PALAPES, ramai tidak yakin dengan kemampuan saya kerana



Meloney (dua dari kiri) bersama Teevagar (kiri), Sharifah Nurul Shuhada dan Soon Chiek pada Istiadat Perbarisan Pentauliahian Diraja Pegawai Kadet PALAPES Ke-32 di UMS, semalam.

jika dilihat dari segi fizikal, saya nampak lemah tetapi dengan semangat dan dorongan keluarga membuatkan saya menamatkan latihan tiga tahun.

"Hari ini, saya menerima tauliah yang disampaikan Timbalan Yang di-Pertuan Agong dan ia adalah penghargaan besar bagi saya," katanya selepas Istiadat Perbarisan

Pentauliahian Diraja Pegawai Kadet PALAPES Ke-32 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), semalam.

Pelajar jurusan ekonomi industri itu turut berhasrat untuk menyumbang tenaga dalam bidang ketenteraan jika mendapat peluang berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selepas tamat pengajian.